

**NURI @ BURUNG BESI DALAM KENANGAN.** Oleh Mejor Dr. Nor Ibrahim bin Sulaiman TUDM (B) PTU. 2020. Percetakan Nasional Malaysia Berhad., Alor Setar, Kedah. Halaman 235. ISBN 978-967-103-303-6.

Penulis karya ini merupakan seorang akademia dan mantan juruterbang pesawat Nuri. Paparan cerita mengenai Burung Besi ini merupakan secebis kisah benar yang dilalui dalam usaha membanteras kezaliman komunis di Tanah Melayu. Gambaran yang tepat mengenai ideologi dan kezaliman komunis dalam usaha menubuhkan Republik Komunis Malaya. Buku yang bertajuk Nuri @ Burung Besi, Dalam Kenangan memaparkan kisah realiti sejarah Helikopter Nuri sebagai salah satu logistik ketenteraan negara. Sebanyak 11 bab disajikan dan keseluruhan penceritaan berkisar kepada keberkesanan Nuri yang memberikan perkhidmatan mobiliti udara khususnya kepada pasukan keselamatan negara dalam usaha membanteras komunis.

Kehadiran Nuri @ Burung Besi pada tahun 1968 bertepatan dengan kebangkitan semula komunis di Malaysia. Tunku Abdul Rahman ketika ucapan beliau sempena Perhimpunan Agong *United Malays National Organisation* (UMNO) ke-19 pada 30-31 Julai 1966 di Kuala Lumpur mengumumkan langkah untuk memperkasakan pasukan keselamatan negara. Hal yang demikian berlaku kerana ancaman Parti Komunis Malaya (PKM) wujud walaupun darurat diisyiharkan tamat pada Julai 1960. Kepentingan ini juga dibangkitkan ketika berbincang dengan Presiden Lyndon Johnson sempena lawatan beliau ke Malaysia pada 30 Oktober 1966. Hubungan akrab di antara Malaysia dan Amerika Syarikat terserlah apabila Presiden Johnson bersetuju untuk menjual “Si Burung Besi” dengan terma kontrak yang dipersetujui bagi pembelian kumpulan pertama sahaja. Ini juga mendapat liputan meluas di halaman akhbar *The Straits Times* pada 31 Oktober 1966. Justeru itu, Malaysia menandatangani kontrak dengan *Sikorsky Aircraft Corporation* bagi tujuan pembelian sepuluh buah Nuri pada penghujung Disember tahun 1966. Pesawat pertama iaitu FM1141 tiba di Malaysia pada Januari 1968. Sebelum tempoh ketibaan Nuri, pelbagai bentuk keganasan dilakukan oleh komunis. Antaranya ialah yang dicanangkan oleh Radio Peking (Beijing) pada 23 Ogos 1968 bahawa komunis berjaya dalam serang hendap berhampiran Kroh, utara Perak pada 17 Jun 1968. Kezaliman komunis juga dilakukan terhadap komrad yang menyerah diri. Peristiwa ini berlaku di Sintok, Kedah apabila komunis mempengaruhi lebih kurang 3,000 orang penduduk yang majoritinya terdiri daripada orang Cina. Ancaman pengganas komunis terhadap pesawat dan kesemua aset diberikan perhatian serius oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Bab kedua dengan tajuk “Op Gonzales: “Tipu Helah” dan “Umpang” membicarakan mengenai tindakan zalim komunis. Antaranya ialah tindakan Chong Chor yang mendapat perhatian Mejor Jeneral Dato’ Mohd Ghazali bin Mohd Seth setelah mengambil alih jawatan sebagai Panglima Gerakan Semenanjung Malaysia/*General Officer Commanding* (GOC). Berikut itu *Op Gonzales* dilancarkan pada April 1974. Kekurangan maklumat mengenai lokasi tepat komunis tidak menjadi masalah kerana dibantu dengan kehadiran Nuri. Namun operasi membanteras komunis menjadi rumit apabila dibantu oleh *MinYuen*. Operasi membanteras komunis diteruskan pada 1 April 1974 apabila satu Skuadron Rejimen Gerak Khas Malaysia (RGKM) diterbangkan oleh pesawat Nuri dari Brinchang ke kawasan penempatan Orang Asli di Cameron Highlands dan Ulu Kinta Perak. Di samping itu, 2 Meriam diatur gerak ke Kampung Raja, Cameron Highlands. Menjelang 8 April 1974, diuar-uarkan bahawa latihan tamat dan konvoi tersebut akan kembali ke Ipoh, Perak sebelum

balik ke pangkalan masing-masing. Namun hakikatnya dua skuadron RGKM dan 2 Meriam kekal di Cameron Highlands. Pasukan ini turut dibantu oleh 1 Peninjau yang memulakan tugas menjaga laluan dari Ipoh ke Chemor pada 9 April 1974.

Masalah yang dihadapi oleh GOC ketika itu ialah mengesan lokasi sebenar penempatan musuh. Kekurangan tersebut ditampung oleh Pusat Operasi Tentera Udara (POTU) dengan ketibaan tiga buah helikopter Nuri, FM1140, FM1150 dan FM1155 dari No. 10 Skuadron, Kuantan pada 8 April 1974. Nuri dibantu oleh dua buah pesawat *Alouette III* dari No. 3 Skuadron, Butterworth sebagai helikopter gempur dan komunikasi untuk komander membuat tinjauan. Aset udara tersebut ditempatkan di Kem Sulva Line. Menjelang 8 April 1974, *Op Gonzales* dilancarkan yang melibatkan tiga Briged Infantri Malaysia (BIM), iaitu No. 1, No. 2 dan No. 6 serta satu briged Pasukan Polis Hutan (PPH). Keluasan kawasan operasi yang berkeluasan “enam petak peta” dilaksanakan hanya oleh sebuah Nuri sahaja. Hal yang demikian menghairankan *Flying Officer* (Fy. Off.) Ranjit Singh Gill. Buat pertama kalinya konsep “umpang” dipraktikkan dengan sebuah Nuri akan berlegar-legar di kawasan yang berhampiran dengan lokasi sebenar dan trup tentera akan diturunkan. Peranan Nuri menjadi begitu signifikan apabila setiap hari Nuri digunakan oleh pasukan keselamatan dalam usaha memburu komunis. *Op Gonzales* tamat pada 7 Mei 1974 dengan kejayaan membunuh 11 orang pengganas komunis termasuk Chong Kwai Hong iaitu Komander Unit Penggempur Kelima, PKM dan isterinya. Pelbagai dokumen penting, senjata dan bahan makanan juga turut dirampas.

Eksplotasi oleh pengganas komunis juga berlaku ketika ekonomi dunia merundum seperti mana yang dibincangkan oleh penulis dalam Bab Tiga. Pada tahun 1974 berlaku kemelesetan ekonomi dunia menyebabkan harga komoditi getah jatuh menjadi 15 sen sekati. Manakala harga barang keperluan harian seperti gula meningkat dari 30 sen sekati menjadi 50 sen. Demonstrasi seramai hampir 1,000 orang penduduk kampung di Baling dilancarkan di hadapan Pejabat Tanah Daerah Baling, Kedah. Jumlah pemogok meningkat menjadi hampir 13,000 orang menjelang 21 November 1974 berikutan terdapat khabar angin seorang kanak-kanak meninggal dunia kerana termakan ‘ubi gedung’ beracun akibat kekurangan makanan. Bilangan pemogok terus meningkat menjadi 30,000 orang pada 1 Disember 1974 dengan penyertaan penduduk dari Kampung Weng, Bongor, Lanai, Pulai, Kupang, Tawar, Parit Panjang, Kuala Pegang dan Sungai Lalang. Pemogokan ini turut disertai oleh mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Mereka berkumpul di Pekan Baling dan memberikan tempoh selama sepuluh hari kepada kerajaan untuk mengawal harga getah termasuk barang keperluan asas.

Pada 14 Disember 1974, seramai 20 orang komunis yang berpakaian seragam dan bersenjata muncul di Kampung Batu 8, Weng. Komunis cuba mempengaruhi penduduk setempat dengan mengagihkan ubat-ubatan, gula-gula kepada kanak-kanak dan risalah anti-kerajaan. Manakala dua orang anggota komunis Melayu yang berpakaian serba putih menunaikan solat berjemaah bersama penduduk kampung. Kehadiran komunis ketika itu dimaklumkan kepada 6 BIM Sungai Petani, Kedah. Lantas, operasi pembanterasan komunis dengan menggunakan taktik “geraham kacip” dilancarkan. Taktik ini melibatkan pergerakan tentera ke arah lokasi musuh dari arah berlawanan untuk memerangkap mereka seperti gigi geraham kacip. Dalam bab ini juga diperincikan mengenai peranan Nuri sebagai pengangkut tentera yang cedera pada 22 Disember 1974. Anggota tentera tersebut ialah Renjar Amran bin Sulaiman, anggota No. 6 Platoon yang terpijak jerangkap samar

menyebabkan kecederaan parah. Penceritaan penulis dalam bab ini sangat menarik kerana penggunaan perbandingan *hiperbola* bagi menggambarkan situasi cemas tersebut. Mangsa berkenaan diberikan dua suntikan morfin dan lukanya dibalut dengan menggunakan 19 pembalut luka. Ketika mangsa dibawa masuk ke dalam helikopter yang berada 3 meter dari bumi, penganas komunis menembak dari arah bawah. 11 das tembakan terkena Nuri di bahagian bawah fiuslaj pesawat. Namun dengan kepakaran juruterbang menyebabkan Nuri berjaya melaksanakan operasi. Renjar Amran bin Sulaiman kehilangan sebahagian kaki kanannya. Berikut itu, pada 23 Disember 1974, Platon Risik Tempur yang dikenali sebagai Platon Harimau, 7 Renjar meneruskan operasi menjelaki penganas komunis. Pasukan tentera menemui mayat seorang musuh yang berulat dan tanpa kedua-dua ibu jari. Tindakan musuh memotong kedua ibu jari ialah untuk mengelakkan pihak berkuasa mengecam identiti mangsa.

Op Gubir II merupakan operasi khas yang dilancarkan dalam Sektor Bravo Op Kota pada 15 April 1976 hingga 16 Mei 1976. Operasi tersebut diterajui oleh Brigediar Jeneral Arulpragasam selaku Panglima 6 BIM di Sungai Petani, Kedah. Maklumat mengenai komunis diperoleh daripada *surrendered enemy personal* (SEP) dari Patani, Thailand. Pihak tentera mengesan kewujudan kem penganas komunis berhampiran sempadan Malaysia-Thailand dalam kawasan operasi Gubir. Kem tersebut mempunyai kapasiti muatan seramai 400 hingga 500 orang dan mempunyai sistem terowong. Terdapat 3.600 jerangkap samar yang dipasang oleh penganas komunis di lokasi berkenaan. Justeru itu satu operasi bagi mencari dan memusnahkan kem tersebut dilakukan yang dinamakan sebagai “Target Bravo”. Operasi tersebut turut melibatkan 3 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan 16 RAMD yang melaksanakan giliran mereka dalam Op Kota Bravo dan Charlie di Gubir. Pergerakan 8 RAMD untuk kembali ke Kem Terendak, Melaka juga ditangguhkan bagi membantu Op Gubir II. Manakala pasukan sedia ada di Gubir ialah Skuadron Charlie, Rejimen 1 Peninjau dan Bateri Alpha, Rejimen 3 Meriam. Skuadron Peninjau pula diberikan peranan untuk menentukan keselamatan seluruh jalan raya di antara Sik-Gubir-Mong Gajah bagi membolehkan pasukan keselamatan sampai ke tempat operasi. Manakala Bateri Meriam pula berperanan memberikan bantuan apabila diperlukan. Terdapat juga bantuan daripada Kompeni Bravo, 7 Renjar, Skuadron X-ray dan Zulu, 1 RGKM, Tim Pembersih Jerangkap Samar (TPJS) dari No. 1 Trup dan No. 2 Trup, 3 Skuadron Jurutera.

TUDM menghantar empat buah *Alouette III* dari No. 3 Skuadron, TUDM Butterworth, tiga buah Nuri dari No. 10 Skuadron, TUDM Kuantan, lapan buah C-41G Tebuan dari No. 6 Skuadron dan No. 9 Skuadron, empat buah pesawat pejuang FSE dari No 12. Skuadron TUDM Butterworth. Bahagian menarik Bab 4 yang diberikan tajuk “Mayday … Mayday … Mayday …” ialah penceritaannya yang disusun secara kronologi. Antaranya yang diperincikan ialah pergerakan Skuadron Zulu ke Target Bravo pada 17 April 1976 yang melibatkan tiga buah Nuri iaitu FM1710, FM1703 dan FM1716 yang dikendalikan oleh Kapten (U) Mior Zubir, Leftenan (U) Murad Ahmad dan Leftenan (U) Mohd Amin bersama kru mereka. Misi Nuri ketika itu ialah membawa masuk anggota Skuadron Zulu ke Target Bravo.

Antara insiden yang dialami oleh Nuri ketika melaksanakan operasi tersebut ialah ditembak oleh penganas komunis sehingga menyebabkan lantai pesawat ditembusi sejumlah 49 butir peluru. Tembakan tersebut menyebabkan berlakunya kecederaan dalam kalangan tiga orang anggota komando. Truper (Tpr) Latif bin Ismail cedera di punggung sebelah kanan, Tpr. Awang Ibrahim

bin Limuddin di betis kiri dan Tpr. Ishak bin Wahab putus satu jari tangan. Keadaan tersebut menyebabkan berlakunya kebocoran di tangki bahan api Nuri yang dipandu oleh Lt. (U) Murad Ahmad dan terpaksa mendarat di Gubir. Apabila Nuri mendarat, trup dan ketiga-tiga mangsa tembakan bergegas keluar dengan dibantu oleh rakan-rakan yang lain kerana dikhuatir akan meletup. Ketiga-tiga mangsa tembakan diterbangkan oleh Lt. (U) Amin bersama Lt. M (U) Rosli Yusof dan Sarjan Manogeran ke Hospital Pulau Pinang untuk mendapatkan rawatan.

Perkhidmatan ‘Si Burung Besi Nuri’ begitu mendesak dan diperlukan dalam Op Bamboo, Op Ukur dan Op Kota di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Di samping itu, Nuri diperlukan juga oleh agensi kerajaan yang lain selain penerbangan komunikasi orang kenamaan. Walau bagaimanapun, Nuri juga tidak terlepas dari menjadi sasaran tembakan komunis yang menyebabkan pesawat Nuri FM1715 jatuh dan mengorbankan 11 orang anggota pasukan keselamatan pada 26 April 1976 di Kawasan operasi Gubir. Insiden tersebut diceritakan oleh Sarjan Yusof yang merupakan orang pertama berada di lokasi kejadian “...kami dapati ada di antara mayat mangsa yang telah terputus tangan, kaki malah ada juga yang telah terpisah kepala dari tubuh”. Ini menggambarkan kezaliman komunis dan pengorbanan wira-wira negara dalam mempertahankan tanah air.

Operasi pembanterasan komunis yang dilakukan secara intensif oleh Kerajaan Malaysia menyebabkan Chin Peng dan komradnya terpaksa berundur ke selatan Thailand. Kisah ini difokuskan dalam penulisan Bab 5 dengan tajuk “Cabut ...Cabut”. Pasukan keselamatan melancarkan Op Kota meliputi sepanjang sempadan dari Perlis ke Kelantan pada 21 Februari 1968. Operasi pada pringkat awal melibatkan lapan Batalion Infantri, empat Batalion Askar Wataniah, empat Skuadron Peninjau (Amor), lima Bateri Artillari dan dua Batalion Pasukan Polis Hutan (PPH). Operasi tersebut dibahagikan kepada lapan sektor merangkumi empat negeri iaitu Perlis (Alpha), Kedah (Bravo, Charlie dan Delta), Perak (Echo dan Foxtrot) dan Kelantan (Golf, Hotel). Lokasi Klian Intan, Perak menjadi lokasi pilihan Chin Peng untuk berunding sebanyak tiga kali dengan pihak kerajaan sebelum Rundingan Baling diadakan pada 28 hingga 29 Disember 1955. Satu lagi mesyuarat diadakan di landasan pesawat terbang Kroh. Empat rundingan awal melibatkan wakil kerajaan iaitu Ian C. Wylie (Timbalan Pesuruhjaya Polis), Too Joon Hing (Penolong Menteri Pelajaran), Chen Tien (Ketua Propaganda PKM) dengan diiringi oleh seorang gerila komunis iaitu Lee Chin Hee. Pertemuan tersebut diadakan pada 17 Oktober 1955, 17 November 1955 dan 24 Disember 1955. Pertemuan terakhir di Kroh diadakan pada 13 Disember 1955. Penglibatan Kapten (U) Nor Ibrahim dalam *Op Selamat Sawadee* yang merupakan penulis buku ini juga diperihalkan. Menurut beliau, kebiasaan penerbangan Nuri akan dibantu helikopter *Alouette III* yang berperanan sebagai penggempur dan membedil kawasan berhampiran.

Nuri juga mempunyai peranan signifikan dan penting sebagai aset logistik penting di Sabah dan Sarawak. Ini disebabkan oleh insurgensi komunis daripada Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU). Agenda PKKU ialah untuk mewujudkan *North Kalimantan People's Republic* yang merangkumi Sarawak, Sabah dan Brunei. Ancaman PKKU dan tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadikan Nuri penting dalam memberikan perkhidmatan mobiliti udara kerana perajurit tanah air diatur gerak berhampiran dengan sempadan Filipina dan Indonesia. Tanggungjawab tersebut diamanahkan kepada No. 7 Skuadron, TUDM, Kuching, Sarawak. Skuadron ini ditubuhkan di TUDM Kuantan pada Januari 1968 dan berpindah ke TUDM Kuching pada Jun 1969 yang diketuai

oleh Squadron Leader Ahmad Merican bin ST Merican. Skuadron tersebut memiliki empat buah Nuri iaitu FM1141, FM1147, FM1148 dan FM1149. Namun, tugas mula dilaksanakan oleh Nuri di Sabah dan Sarawak bermula April 1968 apabila lima buah pesawat diterima pada Mac 1968.

Pasukan keselamatan juga menghadapi ancaman daripada Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) dan Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU). Ancaman PARAKU bermula pada lewat tahun 1969 dan menjadi agresif pada awal tahun 1970 yang kebanyakannya tertumpu di Divisyen Ketiga meliputi Sibu, Kanowit dan Song. Mereka menyerang hendap pasukan 1 Renjar yang majoriti其nya dianggotai oleh orang Iban dalam Op Pukat di Kawasan Song pada 1 Januari 1971 hingga 3 Mac 1971. Ancaman ini seterusnya membawa kepada peristiwa serangan 20 orang musuh terhadap pasukan keselamatan pada 20 Januari 1971, sekitar jam 4.00 petang. Serangan ini mengorbankan kesemua anggota dalam bot Pegawai Waran II, Lenggu dan seorang dalam bot Leftenan Muda Anwar. Leftenan Muda Anwar cedera di bahagian sebelah kiri kepala. Manakala Renjar Midong cedera di bahagian pergelangan lengan kanan dan kepala lutut kaki kiri. Kedua perajurit tersebut dibawa ke Nanga Engkuah pada jam 6.00 petang untuk dibawa ke hospital. Namun kekangan ketika itu ialah Nuri tidak dibenarkan melakukan penerbangan pada waktu malam kerana bercanggah dengan *Standard Operation Procedure* (SOP). Ini juga berpunca dari peralatan navigasi Nuri yang konvensional dan tidak mempunyai ‘gogel visi malam’. Mengambil kira keperluan tersebut, maka *Wing Commander* Lawrence Phong meluluskan permohonan penerbangan malam. Misi *casevac* tersebut merupakan operasi pada waktu malam yang pertama bagi Nuri. Selepas itu, beberapa siri penerbangan pada waktu malam dilaksanakan setelah mengambil kira faktor nyawa dan keselamatan pasukan keselamatan serta negara. Jadi, amat bersesuaian Bab 6 ini diberi tajuk “Misi Cesevac Pertama Pada Waktu Malam”.

Bab 7 menceritakan tentang Nuri melaksanakan operasi pada waktu malam (*casevac*). Operasi tersebut merupakan kaedah menaik atau menurunkan objek dengan menggunakan *hoist*. Tugasan sedemikian terpaksa dilakukan apabila pasukan tentera mengalami kecederaan berikutan pertempuran ataupun terkena jerangkap samar. Kekangan peralatan seperti gergaji untuk membina tempat Nuri mendarat turut dialami oleh Sarjan (B) Rosidi Semail. Nuri melaksanakan misi tersebut dalam *Op Selamat Sawadee* iaitu operasi bersama di antara Malaysia dan Thailand pada 24 April 1973 hingga 5 Julai 1980. Kawasan operasi tersebut meliputi sekitar Betong di selatan Thailand dan Kroh serta Banding di utara Malaysia. Konsep yang digunakan ketika itu ialah dengan melaksanakan rondaan secara sistematik pada waktu pagi dan serang hendap malam dalam lingkungan jarak 1,000 meter dari pangkalan pasukan keselamatan. Apabila Nuri sering menjadi sasaran tembakan penganas komunis, Brigediar Jeneral (U) Mohamed bin Ngah Said mengeluarkan arahan supaya dua buah helikopter gempur mengiringi Nuri ketika melaksanakan operasi. Tujuannya ialah untuk melindungi Nuri daripada ditembak dan memberikan keyakinan kepada kru Nuri. Dua orang anggota Tim Penyelamat Udara dari pasukan komando juga ditempatkan di dalam pesawat. Kru Nuri dibekalkan dengan sepucuk pistol *Browning 9 mm*, raifal *Colt M16* dan baju kalis peluru.

Arahan tersebut dikeluarkan berikutan insiden pada 17 Ogos 1978 apabila pesawat FM1725 yang dikendalikan oleh Kapten (U) Chong Keng Lay bersama Leftenan Muda (U) Mohd Johan bin Othman dan Sarjan Mohsain bin Hashim berada dalam keadaan terapung di *Landing Point* ditembak oleh komunis. Tembakan tersebut mengakibatkan Lans Koperal Ismail bin Ahmad

terkorban. Insiden kedua juga berlaku pada 31 Oktober 1978 dan mengorbankan Lans Koperal Mohd Sibki. Manakala kecederaan dialami oleh Flait Sarjan Patrick Lee pada 14 Ogos 1978 dalam pesawat FM1726 dan Sarjan Mohsain pada 3 Mac 1979 dalam pesawat yang sama. Walaupun pelbagai SOP dan arahan dikeluarkan kepada kru Nuri, namun menyelamatkan wira-wira negara adalah menjadi keutamaan. Hal ini turut dialami oleh Kapten (U) Musa dan kru serta sebuah Nuri dari No. 3 Skuadron, TUDM, Butterworth. Tugasan tersebut ialah membuat penerbangan *casevac* ke Hospital Pulau Pinang dan membabitkan seorang anggota tentera yang cedera terkena jerangkap samar. Beliau mengambil keputusan untuk melaksanakan tugas penerbangan pada waktu malam walaupun tidak diiringi oleh helikopter gempur. Kru Nuri berjaya menyelamatkan Truper Razmi bin Sharif walaupun akhirnya beliau menjadi Orang Kurang Upaya (OKU).

“Si Burung Besi” juga tidak terkecuali menjadi mangsa tipu helah para pengganas komunis yang diperincikan dalam Bab 8. Pada 15 Mac 1986, Nuri terlibat dalam penerbangan *casevac* di waktu malam. Misi ketika itu ialah menyelamatkan Lans Koperal Ibrahim bin Zainal dan Prebet Kamaruddin bin Rauf iaitu dua daripada 15 orang anggota Platan Harimau. Mereka cedera di bahagian mata dan kedua bahagian kaki terkena jerangkap samar di kawasan operasi Op Kota Charlie dan Delta. Tugasan tersebut diterima selepas waktu bekerja dan dipertanggungjawabkan kepada Nuri serta *Alouette III*. Kru Nuri terdiri daripada Kapten Revi Chandran TUDM, Leftenan Tuan Mustapha bin Tun Hussin, dua orang kuartermaster udara iaitu Flait Sarjan Koey Hong Chen dan Sarjan Jacob Oommen. Manakala kru *Alouette III* ialah Kapten Wan Baharuddin TUDM, Kapten Norizan bin Abu Bakar TUDM dan Flait Sarjan Azizan bin Mat Saman.

Antara jam 6.30 petang, dua buah pesawat tersebut berlepas dari Butterworth. Kapten Revi mengendalikan Nuri M23-16. Nuri terpaksa menempuh hujan lebat, awan di paras rendah dan kabus tebal yang memaksa mereka membatalkan pencarian dan kembali ke Kem Gubir pada jam 7.00 malam. Maklumat tersebut disampaikan kepada Leftenan Kolonel Hashim Karim namun beliau menjelaskan bahawa mangsa yang tercedera kehilangan darah dan Platan Harimau kehabisan morfin. Semangat rela berkorban demi negara tercinta menyebabkan Kapten Revi dan Kapten Norizan melakukan penerbangan yang kedua. Beliau mempunyai keyakinan yang tinggi kerana pernah mengikuti kursus *Advance Night Flying*. Apabila Nuri menghampiri lokasi kejadian, Kapten Revi menghubungi trup melalui radio *High Frequency* dan meminta mereka menembak *pistol very* apabila dipinta. Sejurus kemudian kru terlihat cahaya suar di kiri dan kanan laluan pesawat walaupun tidak diarahkan oleh beliau. Kapten Revi mula menurunkan Nuri dan berada di bawah paras ketinggian 152 dengan perasaan ragu-ragu. Bagi mendapatkan kepastian, beliau menghubungi lokasi dan mengarahkan trup menghentikan tembakan suar. Maklumat yang diperoleh menjelaskan bahawa mereka masih belum menembak *pistol very* dan ini bererti bahawa tembakan tersebut ialah daripada musuh. Justeru itu, beliau mengambil keputusan untuk tidak mengambil kedua orang perajurit tersebut dan meneruskan penerbangan ke Gubir.

Maklumat tersebut disajikan kembali kepada Leftenan Kolonel Hashim Karim. Beliau mengarahkan Platan Harimau untuk beredar dari lokasi kejadian ke tempat yang lebih selamat untuk membolehkan Nuri melaksanakan operasi pada keesokan pagi. Pada pagi, 16 Mac 1986, Kapten Revi meneruskan operasi dengan diiringi *Alouette III* walaupun keadaan topografi di lokasi kejadian amat mencabar kerana pokok yang melebihi ketinggian 75 meter. Keadaan cemas tersebut berjaya diharungi oleh Kapten Revi dengan bantuan dua orang Kuartermaster Udara dan Leftenan

Tuan Mustapha. Kedua-dua mangsa berjaya dinaikkan dengan menggunakan *Strecer Saleh* dan diterbangkan ke Hospital Pulau Pinang. Kedua-dua mangsa memberitahu Kuartermaster Udara bahawa mereka amat teruja apabila menyedari Nuri cuba untuk menyelamatkan mereka pada malam kejadian. Manakala bagi Kapten Norizan pula, pengalaman mengikuti Nuri pada malam tersebut merupakan tugas yang mencabar namun semangat ketenteraan yang kental menyebabkan mereka melupakan semua keperitan. Bab 8 ini juga mempunyai sisi yang menarik kerana bahan penulisan bersandarkan kepada dokumen primer. Antaranya ialah penelitian terhadap Buku Penerbangan Pemandu Kapten Dato' Revi Chandran dan temubual bersama beliau. Insiden tersebut dirakam secara terperinci oleh penulis dengan memasukkan elemen-elemen emosi yang diperoleh daripada pelaku terlibat.

Nuri juga berperanan penting dalam menjayakan Op Ukur seperti mana yang dinyatakan oleh Sr. Mohamad Makros bin Rasimin, Penolong Pengarah Ukur, Pejabat Topografi Wilayah Taiping, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Op Ukur dimulakan pada 6 Julai 1973 di Kuala Perlis, Perlis, Changlun, Kedah, dan Kroh, Perak. Tugasan tersebut melibatkan kerja-kerja pengukuran dan tanda sempadan di kawasan sempadan darat antara Malaysia dan Thailand. Tugasan tersebut dilakukan berikutan *Memorandum of Understanding on The Joint Survey of Common Land Boundary Between Malaysia/Thai 7-8 Sept. 1972* yang ditandatangani di Bangkok Thailand pada 8 September 1972. Jarak sempadan Malaysia-Thailand ialah sejauh 646 kilometer. Kawasan seluas 551 kilo meter meliputi sempadan darat dan 95 kilo meter merupakan sempadan *thalweg*, iaitu bahagian terdalam aliran utama Sungai Golok. Ketika tugasan tersebut dilakukan oleh JUPEM, penganas komunis sering mengambil peluang untuk melakukan serang hendap. Nuri dipertanggungjawabkan mengawal keselamatan seramai 30 orang anggota JUPEM dan RTSD yang bekerja. Manakala pesawat *Bell Iroquois* digunakan oleh *Royal Thai Police* bagi pihak Thailand. Tugasan tersebut merangkumi lokasi topografi yang mencabar dan Nuri digunakan sebagai aset penting untuk mengangkut pekerja, keperluan logistik, peralatan ukur dan bahan binaan untuk membuat tanda sempadan. Di samping itu, "Si Burung Besi" tersebut menjadi talian hayat penting sekiranya terdapat pekerja yang mengalami kecederaan.

Pada 17 Jun 1975, Platon 16, Delta Kompeni, Bn. 6 PPH yang berpangkalan di Kem Jalan Pekeling, Kuala Lumpur ditugaskan mengiringi para juruukur ke sempadan Sintok, Kedah. Tugasan mengukur tidak dapat dilaksanakan pada hari pertama kerana hujan lebat dan dimulakan pada 18 Jun 1975. Kerja tersebut akhirnya diserahkan kepada Platon 14 PPH dan *Thai Border Police Patrol* (TBPP). Lebih kurang pada jam 7.40 pagi para pekerja dikejutkan dengan tembakan oleh komunis. Mereka juga meletupkan jerangkap samar dan disusuli dengan tembakan bertubi-tubi yang menyebabkan kematian dan cedera parah. Insiden tersebut menyebabkan Ketua Kompeni mengarahkan Platon 16 dan Nuri memberikan bantuan segera. Insiden tersebut menyebabkan seramai 15 orang terkorban iaitu lapan orang anggota PPH, empat orang anggota TBPP dan tiga orang juruukur. Komunis juga memasang jerangkap samar dan grenad di bawah tindihan mayat. Tugasan *casevac* dan *bodevac* tersebut dilakukan oleh helikopter *Bell Iroquois* dan Nuri. Serangan tersebut mengakibatkan seramai tiga orang kakitangan JUPEM, lapan anggota PPH dan empat orang pekerja dari Thailand terkorban. Berikutan serangan tersebut, Malaysia dan Thailand membuat keputusan untuk menunda operasi ukur. Pada 19 Jun 1975 para pekerja dibawa keluar dan Op Ukur di Semenanjung Malaysia berakhir pada 26 September 1985. Seramai 14 orang rakyat Malaysia terkorban dalam Op Ukur. PPH pula kehilangan lapan anggota dan 60 orang

mengalami kecederaan. Di pihak TPJS pula dua anggota terkorban dan 15 cedera. Manakala JUPEM kehilangan empat orang dan 14 cedera. TUDM pula terpaksa melupuskan sebuah Nuri dan inventori mereka. Namun demi negara tercinta, “Si Burung Besi” terus melaksanakan tugas tanpa mengira masa dan destinasi.

Tugas Nuri juga menjadi begitu signifikan ketika darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada tahun 1948 hingga 1960. Perincian tersebut dibincangkan dalam Bab 10. Demografi Tanah Melayu yang dipenuhi hutan menjadikan pengganas komunis memperalatkan seramai hampir 50,000 hingga 60,000 Orang Asli. Mereka menubuhkan satu unit yang dikenali sebagai Kumpulan ASAL. Kumpulan ini diberikan nama sedemikian sebagai strategi memenangi hati Orang Asli sebagai penghuni asal Tanah Melayu. Golongan ini dieksplorasi oleh komunis untuk mendapatkan bekalan keperluan logistik asas seperti makanan, perubatan di samping sebagai penunjuk arah. Perkembangan komunis ketika itu membimbangkan Pesuruhjaya British, Jeneral Sir Gerald Templer. Hal yang demikian membawa kepada pembinaan kubu di kawasan penempatan Orang Asli di negeri Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Kelantan. Kubu-kubu tersebut dijadikan pangkalan bagi pasukan Infanteri dan PPH melancarkan operasi, rondaan dan mengawal aktiviti Orang Asli. Di samping itu, landasan untuk pesawat ringan mendarat juga dibina di semua kubu kecuali *Fort Brooke* dan *Fort Sinderut*.

Pasukan keselamatan melancarkan Op Bamboo pada Oktober 1959 dengan matlamat memusnahkan organisasi ASA, Rejimen 12 di samping membawa kembali Orang Asli dan meletakkan mereka di bawah kawalan kerajaan. Sebelum tahun 1963, Op Bamboo dikendalikan oleh anggota tentera Malaysia dan Komanwel. Manakala anggota Senoi Praaq ditumpangkan untuk membantu tugas mengesan dan menjajaki musuh. Penglibatan pasukan tentera berakhir pada September 1963 dan seterusnya diamanahkan kepada Senoi Praaq dan Cawangan Khas. Dua batalion Senoi Praaq PPH, Batalion 19 yang berpangkalan di Kroh dan Batalion 20 di Bidor ditubuhkan bagi mengendalikan Op Bamboo. Cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Op Bamboo seperti faktor cuaca dan demografi di kawasan Banjaran Titiwangsa menyebabkan peranan Nuri menjadi signifikan. Sisi menarik buku ini juga ialah apabila penulis menceritakan pengalamannya yang terlibat sebagai juruterbang Nuri ketika melaksanakan Op Bamboo. Cabaran cuaca menyebabkan sebuah pesawat *Alouette III* ditimpa kemalangan semasa melaksanakan tugas pada 8 Februari 1977. Operasi pencarian dilaksanakan pada 9 Februari 1977 oleh Nuri FM1717 yang dikendalikan oleh Leftenan (U) Ismail bin Yahya bersama Leftenan Muda Ajir bin Juman. Along Sinar dan Akoi Anjang diterbangkan oleh Nuri ke Ipoh untuk mendapatkan rawatan. Op Bamboo merupakan operasi berterusan selama 38 tahun yang bermula pada tahun 1959 dan berakhir pada 1997. Walaupun berhadapan dengan cabaran cuaca buruk dan bentuk muka bumi yang mencabar namun semangat cintakan negara dan semangat setia kawan mengatasi segala-galanya.

Bab terakhir dalam buku ini dengan tajuk “Strecer Tersangkut” menceritakan insiden yang berlaku dan menyebabkan berlakunya inovasi dalam kalangan anggota tentera. Strecer merupakan peralatan penting yang digunakan oleh Nuri dalam setiap operasi yang dilaksanakan. Peralatan asal yang dibekalkan dalam inventori TUDM ialah *Strecer Neil Robertson* dan *Nato Strop*. Pengendalian *Strecer Neil Robertson* dibuat daripada kanvas dan memerlukan dua orang kuartermaster untuk tugas pengendalian. Manakala *Strecer NATO Strop* dibuat daripada kanvas

dan disangkut di bawah ketiak mangsa serta agak mudah dikendalikan. Namun ini tidak sesuai digunakan bagi mangsa yang pengsan kerana kemungkinan tergelincir jatuh adalah tinggi. Kekangan tersebut menyebabkan Flait Sarjan Salehuddin bin Ahmad yang ketika itu bertugas sebagai Kuartermaster Udara di No. 10 Skuadron, TUDM Kuantan membuat inovasi dalam penghasilan strecer dengan menggunakan pembiayaan sendiri. Inovasi tersebut dibantu oleh Sarjan Zakaria iaitu ketua bengkel pangkalan TUDM Kuantan. Inovasi penghasilan strecer tersebut diuji terlebih dahulu dan TUDM Kuantan menghasilkan sebanyak tujuh unit. Keberkesanannya menyebabkan sejumlah 28 unit lagi ditempat daripada Bengkel Perkilangan Angkatan Tentera. Usaha inovasi beliau dihargai dan diberikan nama ‘Strecher Saleh’. Inovasi yang dihasilkan ini mencapai matlamat dan keperluan Nuri ketika itu, namun insiden strecer tersangkut ketika pelaksanaan operasi tetap juga berlaku. Hal yang demikian dijelaskan oleh Kapten (U) Nor Ibrahim bin Sulaiman ketika melaksanakan *Op Selamat Sawadee* bersama Leftenan (U) Adzli dan Sarjan Patrick Lee. Walaupun dalam konteks hari ini, TUDM menggunakan strecer yang diperoleh dari syarikat pembekal strecer yang dikhususkan, namun nama ‘Strecher Saleh’ masih digunakan sehingga kini.

Paparan Nuri @ Burung Besi Dalam Kenangan hanya merupakan secebis kisah sumbang ‘Si Burung Besi’ sebagai aset pertahanan negara yang penting. Dalam menelusuri episod penting buku ini, banyak peristiwa yang tidak dapat dirungkai. Penulis buku yang juga merupakan seorang akademia dan mantan juruterbang helikopter Nuri menggunakan ‘military mind’ dalam menggarap penceritaan dengan gaya bahasa yang mudah dan santai bagi memudahkan pemahaman khalayak. Buku ini juga bertambah menarik apabila disajikan dengan pelbagai teknik dalam penulisan bagi menggambarkan keadaan cemas ketika Tanah Melayu berada di bawah insurgensi komunis. Gabungan pelbagai sumber primer dan sekunder yang berwibawa telah menjadikan penulisan tersebut menjadi lebih berautoriti. Namun, pada pandangan pengulas, pembaca perlu mempunyai minat yang mendalam dalam menghayati karya ini kerana penggunaan istilah ketenteraan yang memerlukan rujukan di bahagian senarai singkatan dan glosari. Namun secara keseluruhannya matlamat asal penulis untuk menggarap peranan Nuri sebagai aset utama negara dalam mempertahankan kedaulatan tanah air sangat menarik dan signifikan agar tidak dipandang sinis sebagai ‘flying coffin.’

**Mohamed Ali Haniffa (PhD)**

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Universiti Utara Malaysia

Sintok, Kedah